

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[LITERATURE REVIEW ON DRUG ADDICTION TREATMENT]

SOROTAN KAJIAN RAWATAN KETAGIHAN DADAH

FARISHA IRWAYU ABDULLAH¹
BERHANUNDIN ABDULLAH^{1*}
MOHD SAFRI ALI¹

¹ Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus Terengganu, Malaysia

*Corresponding author: berhan@unisza.edu.my

Received Date: 7 November 2019 • Accepted Date: 28 April 2020

Abstract

Drug addiction is a widespread problem in Malaysia. Various treatments to cure drug addiction are discussed in this study. Among this treatments are religious approaches, based on the Quran and al-Sunnah. The research questions are more on the concept of drug addiction and drug dangers, conventional addiction treatment and alternative treatment of Islam as discussed. The methodology of this scientific study focuses on qualitative methods. This study focuses on the analysis of the work and the results of the findings. The results show that the Islamic approach is more successful than conventional treatment. Therefore, Islamic treatment is given priority in restoring drug addiction which is important to apply in every institution, rehabilitation center and the family of addicts themselves.

Keywords: Drug, Addiction, Da'wah, Treatment.

Abstrak

Masalah penagihan dadah adalah masalah yang semakin berleluasa di Malaysia. Pelbagai rawatan untuk memulihkan ketagihan dadah dibincangkan di dalam kajian ini. Antara rawatannya ialah pendekatan agama, berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah. Persoalan kajian ini lebih kepada konsep penagihan dadah dan bahaya dadah, rawatan ketagihan secara konvensional dan juga rawatan ketagihan secara alternatif keislaman yang telah dibincangkan. Metodologi kajian ilmiah ini berfokuskan kepada metod kualitatif. Kajian ini memberi tumpuan kepada analisis karya dan hasil dapatan yang telah didokumentasikan. Hasil kajian mendapati pendekatan secara islamik adalah lebih berjaya berbanding dengan rawatan secara konvensional. Oleh yang demikian, rawatan secara Islam diberi keutamaan dalam memulihkan ketagihan dadah yang merupakan perkara penting untuk diaplikasikan di setiap institusi, pusat pemulihan dan kalangan keluarga penagih itu sendiri.

Kata kunci: Dadah, Ketagihan, Dakwah, Rawatan, Pemulihan.

Cite as: Farisha Irwayu Abdullah, Berhanundin Abdullah & Mohd Safri Ali. 2020. Sorotan Karya Rawatan Ketagihan Dadah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 21(1): 184-192

PENGENALAN

Gejala penagihan dadah dalam masyarakat di Malaysia bermula pada awal tahun 1970an dan sehingga ke hari ini masih bertambah kritikal dan parah. Gejala dadah ini sangat membimbangkan beberapa pihak antaranya ibu bapa, pemimpin masyarakat, pemimpin agama, dan pemimpin negara. Pihak kerajaan secara berterusan telah mengisytiharkan perang penghapusan terhadap wabak penagihan dadah yang diumumkan sebagai “Musuh Nombor 1” negara. (Mahmood Nazar, 2006).

Penagihan dadah merupakan masalah yang dihadapi oleh semua negara di dunia pada hari ini. Masalah ini dilihat sebagai permasalahan yang menyumbang kepada jumlah peningkatan statistik penagihan dadah pada setiap tahun (AADK, 2011). Di Malaysia, program rawatan dan pemulihan dadah secara institusi telah bermula sejak tahun 1975. Program ini terletak di bawah Kementerian Kebajikan Am; dan menggunakan pendekatan pemulihan berbentuk sosial dan kebajikan (Taib, 1998; Navaratham, Kin & Kulalmoli; 1992 dan AADK, 1999, 2013 & 2014).

Sebagai alternatif dalam pemulihan, langkah-langkah lain yang wajar diambil dan diketengahkan. Antaranya, jiwa dan hati menjadi punca kepada segala tingkah laku seseorang perlu diberi perhatian dalam usaha memulihkan ketagihan dadah. Oleh itu, al-Quran dan Hadith dijadikan panduan utama dalam usaha ke arah itu. Penelitian menerusi ayat-ayat al-Quran dan hadith, menemukan ayat dan frasa yang boleh diamalkan dalam memulihkan gangguan jiwa kerana ketagihan dadah. Berdasarkan kepada kenyataan di atas, artikel ini meneliti beberapa soalan sebagaimana berikut:

SOALAN KAJIAN

1. Apakah yang dimaksudkan dengan konsep penagihan dadah dan bahaya dadah kepada masyarakat?
2. Apakah rawatan ketagihan secara konvensional yang digunakan dan diterapkan dalam kalangan penagih dadah?
3. Apakah rawatan ketagihan secara alternatif keislaman yang digunakan dan diaplikasikan dalam kalangan penagih dadah?

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenalpasti konsep penagihan dadah dan bahaya dadah di kalangan masyarakat.
2. Menganalisis rawatan ketagihan secara konvensional yang telah digunakan dan diterapkan dalam kalangan penagih dadah.
3. Menganalisis rawatan secara alternatif keislaman yang telah digunakan dan diaplikasikan dalam kalangan penagih dadah.

METODOLOGI PENULISAN

Menerusi kajian ilmiah ini, pengkaji menggunakan metode kualitatif. Kajian ini adalah berbentuk kualitatif untuk menjawab soalan-soalan kajian. Kajian kualitatif merujuk kepada penyelidikan menganalisis data yang tidak berbentuk angka. Metode dokumentasi turut digunakan bertujuan untuk mendapatkan maklumat kajian ini. Ini termasuklah artikel serta dokumen yang terdapat di pustaka. Kajian pustaka adalah penting dan utama dalam meneliti semua rujukan yang berkaitan dengan kajian ilmiah sorotan karya rawatan ketagihan dadah yang terdapat dalam kitab-kitab dakwah, jurnal, tesis terdahulu, kertas kerja dan artikel.

SOROTAN KARYA KONSEP DADAH DAN BAHAYA DADAH

Dadah ialah bahan yang digunakan untuk merawat penyakit, mengurangkan simptom atau mengubah suai proses kimia di dalam badan untuk tujuan-tujuan tertentu. Walau bagaimanapun, bukan semua bahan yang dimakan dianggap dadah (drug). Misalnya makanan yang dimakan secara normal tidak dianggap sebagai dadah melainkan makanan tersebut diambil khas untuk tujuan tertentu (contohnya kafeina sebagai perangsang) (Berhanudin Abdullah et. al, 2015).

Dadah adalah salah satu ubatan yang digunakan oleh penagih bagi menghilangkan tekanan perasaan. Abdul Ghafar (1995) mendefinisikan dadah sebagai bahan yang mendatangkan kemudaratan kepada kesihatan seseorang daripada segi jasmani (fizikal), rohani (mental dan emosi) serta tingkah laku pengguna apabila digunakan. Akibatnya seseorang yang menggunakan dadah akan terus bergantung hidup kepada dadah tersebut dan boleh menyebabkan ketagihan. Penagih sanggup menggadaikan maruah serta memperhambakan diri kepada sesiapa sahaja walau dalam apa jua keadaan asalkan bekalan dadah yang diinginkan diperoleh. Dengan perkataan lain, penyalahgunaan dadah mendatangkan derita, sengsara dan maut.

Dadah merupakan bahan rawatan yang pada asalnya diambil daripada jenis opiat. Dadah jenis opiat adalah campuran yang diperoleh daripada biji popi. Opiat berasal daripada opium (candu) yang diperoleh daripada sejenis tumbuhan yang dikenali sebagai *Papaver somniferum* (Kritikos dan Papadaski 1967: Wikipedia 2008). Candu ini mengandungi pelbagai bahan yang berbeza. Ia kemudiannya diasingkan serta diproses menjadi morfin dan kodein. Jenis opiat ialah (AADK, 2014):

1. Candu – Bahan ini dihasilkan daripada getah buah popi yang bertukar daripada warna putih kepada warna coklat dan kehitaman.
2. Heroin – Serbuk putih pahit yang dihasilkan daripada pemprosesan candu merah.
3. Morfin – Sejenis alkaloid yang diperoleh daripada pemprosesan candu mentah.
4. Kodein – Bahan alkahoid yang wujud secara asal dalam candu serta dihasilkan daripada morfin.

Dadah merupakan bahan berbahaya yang boleh memusnahkan pengamalinya. Terdapat beberapa ciri dadah iaitu (AADK, 2013):

- a. Mempunyai kesan paling ketara ke atas sistem saraf pusat (otak dan saraf tunjang).
- b. Digunakan bukan untuk tujuan perubatan dan penggunaannya adalah dilarang.
- c. Diperoleh secara haram.
- d. Membawa kepada pergantungan fizikal dan psikologi serta meningkatkan daya tahan terhadap dadah.
- e. Mendatangkan kesan buruk dan bahaya ke atas kesihatan dan fungsi sosial seseorang.

Dalam buku “Dadah Kemelut Keluarga Tangani Dadah” menyebutkan pengambilan bahan ini akan mengakibatkan penggunaannya menjadi khayal, ketagih dan mengalami sindrom pendeduran/ tarikan yang akhirnya menyebabkan kebergantungan yang berpanjangan sehingga menjejaskan fungsi kehidupan seharian seperti pembelajaran, pekerjaan, rumah tangga dan hubungan sosial (Heller, 2013).

Selain itu, dadah juga menyebabkan kerosakan pada bentuk fizikal dan daya ketahanan badan penagih (Shalaby, 2006). Penagih mudah dijangkiti dengan berbagai-bagai jenis penyakit seperti kancing gigi, mandul dan penyakit kulit. Ini kerana kebiasaannya, para penagih menjadikan persekitaran yang kotor sebagai tempat untuk mendapatkan dadah. Penggunaannya dan perkongsian jarum yang kotor dan berkarat untuk tujuan penyedutan dan suntikan juga boleh menyumbang kepada jangkitan bakteria yang boleh mengakibatkan penyakit viral hepatitis.

Dari perspektif Islam, pengambilan dadah sehingga menyebabkan ketagihan adalah diharamkan. Penagihan dadah bertentangan dengan lima tuntutan penting dalam maqasid syariah yang disebut sebagai al-Maqasid al-Kubra, al-Kulliyat al-Khams atau Dharurat al-Khams (Shalaby, 2006). Lima asas penting ini ialah jaminan terhadap agama, diri, akal, keturunan dan harta.

Penagihan dadah bukan sahaja menyebabkan kerosakan pada agama dan akal yang mana ia boleh memudaratkan kesihatan. Apabila ketagihan berada di luar kawalan, maka penagih dadah akan terdesak untuk melakukan perkara-perkara yang berada pada tindakan luar kawalan. Contohnya merogol, mencuri, merompak, membunuh, dan lain-lain perkara jenayah.

Berdasarkan sorotan karya konsep dadah dan bahaya dadah ini terdapat pelbagai jenis dadah yang memberi kesan yang kritikal kepada seseorang individu yang mengambilnya secara berlebihan. Kerana ianya mendatangkan kemudaratan kepada kesihatan seseorang. Sesekali terjebak dalam pengambilan ubat yang berlebihan, seseorang individu akan ketagih untuk mengambilnya berulang kali. Akhirnya penagih akan mengalami pelbagai penyakit akibat daripada penagihan dadah.

SOROTAN KARYA RAWATAN KETAGIHAN SECARA KONVENSIONAL

Menurut Adam Mohamed (2006) dalam kajiannya menyatakan, penagihan semula semakin meningkat pada setiap tahun. Walaupun pihak kerajaan telah membelanjakan sejumlah peruntukan yang besar dan mempelbagaikan aktiviti untuk mengurangkan jumlah penagihan, namun usaha ini masih belum dianggap berjaya. Ianya menunjukkan bahawa program-program sedia ada perlu dikaji semula. Usaha ke arah memulihkan penagih dadah bukan sekadar proses rawatan dan pemulihan tetapi harus disusuli dengan program bimbingan selepas keluar daripada institusi pemulihan (aftercare). Masyarakat harus menyedari proses pemulihan dadah banyak bergantung kepada kesedaran penagih itu sendiri, selain sikap keprihatinan keluarga, pendekatan pemulihan dan amalan keagamaan, kepercayaan dan sokongan masyarakat serta peranan bekas-bekas penagih.

Pemulihan penagihan dadah memerlukan usaha sepanjang hayat kerana penagihan dadah adalah satu penyakit kronik yang mudah berulang (chronic relapsing disease) dan berpanjangan. Ini bermakna penagihan dadah ini akan kekal dengan individu yang menyalahgunakannya pada masa yang panjang, di mana terdapat individu yang bergantung dengan dadah untuk hidup. Namun, individu yang terlibat dalam penagihan dadah ini dipulihkan dan mampu berhenti menggunakan dadah. (AADK, 2019)

AADK menyediakan rawatan dan pemulihan yang komprehensif melalui pendekatan pemulihan dalam institusi dan pemulihan dalam komuniti. Penekanan telah diberikan kepada pelaksanaan program psikososial, rawatan perubatan dan latihan kemahiran dan kerjaya serta meluaskan pendekatan kerohanian dan keagamaan (AADK, 2019).

Selain itu, dalam menangani masalah ketagihan dadah yang semakin kritikal diperlukan langkah pencegahan supaya mereka kembali semula menagih dadah dan bukan hanya tertumpu pada rawatan dan pemulihan sahaja. Antaranya ialah memberi khidmat kaunseling pada bekas penagih dadah kerana ianya banyak membantu mereka dalam mengekalkan kepuliharaan dadah (Lasimon, 2007). Kauseling merupakan salah satu langkah yang paling berkesan dalam menangani masalah dadah dan berlakunya perubahan tingkahlaku dalam kehidupan mereka.

Kauseling adalah satu proses penting dalam menguruskan pergantungan psikologi penagih terhadap dadah. Sememangnya banyak jenis kauseling yang diamalkan di pelbagai pusat pemulihan dadah tetapi kebanyakannya berbentuk individu dan kelompok. Begitu juga dengan sesi pemulihan dan rawatan di Pusat Serenti Rawang, yang mana mereka mengikuti garis panduan yang telah ditetapkan melalui Arahan Tetap Ketua Pengarah Agensi Dadah Kebangsaan 2/98. Pelbagai kajian telah membuktikan bahawa kauseling adalah perlu, penting dan berkesan dalam proses pemulihan dan rawatan penagihan dadah (Zickler, 1999).

Program rawatan dan pemulihan dadah di Pengasih adalah pendekatan Therapeutic Community, struktur program di Pengasih mempunyai elemen iaitu tingkah laku, emosi dan psikologi, intelek dan kerohanian, serta yang terakhir adalah kemahiran hidup dan vokasional (NurFatin Afza et. al, 2016).

Rawatan ketagihan dadah secara konvensional antaranya kauseling untuk memulihkan dan memberi rawatan, pendekatan Therapeutic Community, latihan kemahiran dan kerjaya, serta program bimbingan selepas keluar dari pusat pemulihan. Justeru, banyak kajian melakukan kauseling kepada penagih dadah untuk merawat dan memulihkan pesakit daripada ketagihan dadah.

SOROTAN KARYA RAWATAN KETAGIHAN SECARA ALTERNATIF KEISLAMAN

Terdapat beberapa karya yang menyentuh mengenai kaedah pemulihan penagihan. Didapati kajian kepada Abd. Halim (2011) iaitu “7 langkah kepulauan dalam penagihan: Aplikasi Pendekatan Agama Islam dalam Kepulauan” boleh membantu kepulauan dalam kalangan penagih dadah. Karya ini mengutarakan langkah-langkah yang menggunakan pendekatan agama Islam sebagai asas kepada perjalanan kepulauan. Karya ini menyebutkan proses tazkiyah an-nafs merupakan sendi penting di samping pemantapan akidah, kerana segala kebaikan dan kejahatan berpusat dan bersarang di dalam hati. Hati merupakan organ rohani dan dalaman yang mengawal kebaikan segala pergerakan baik dan buruk manusia. Tazkiyah an-nafs bukan bermaksud menghalang atau membunuh nafsu tetapi sebagai cara mendidik dan mengawal nafsu untuk berfungsi selaras dengan tuntutan akidah dan syariat.

Kaedah rawatan dalam Islam merangkumi dua kaedah utama iaitu: (1) Kaedah pencegahan, (2) kaedah pemulihan. Sebagai contoh, Ibn Qayyim (1993) dalam kitab al-Tib al-Nabawi mengatakan bahawa kaedah penjagaan kesihatan badan melalui tiga perkara: (a) menjaga kesihatan. Contoh berpuasa, kalau sakit diharuskan berbuka kerana menjaga kesihatan dan menguatkan badan, (b) mencegah/ menjauhi daripada benda-benda yang menyakiti. Pencegahan seperti bertayammum bagi orang sakit yang tidak boleh terkena air. (c) Mengosongkan atau menyisihkan benda-benda yang merosakkan. Seperti sakit kepala semasa mengerjakan haji, maka harus bagi orang haji jika sakit kepala atau banyak kutu, disebabkan panas dalam kepala diharuskan bercuku untuk mengeluarkan panas dari kepala atau kutu.

Dalam artikel Muhammad Khairi Mahyuddin (2018) yang berjudul “Pendekatan Islam dalam Rawatan dan Pemulihan Dadah” membincangkan ruqyah dalam pemulihan dan perubatan. Ruqyah dalam Islam berupa bacaan doa-doa terpilih yang dipetik dari al-Quran dan al-Sunnah serta pengalaman ulama solihin yang berbentuk permohonan dan perlindungan kepada Allah untuk sembuh dari penyakit dan menjauhi daripadanya. Menurut Ibn Hajar (t.t), para Ulama mengharuskan penggunaan bacaan doa dengan beberapa syarat (al-Nasimi, 1987): (a) Doa-doa tersebut mestilah menyebut kalam Allah atau Nama-namaNya yang mulia dan sifat-sifatNya sama ada dipetik dari al-Quran atau al-Sunnah. (b) Doa-doa dengan lafaz bahasa Arab yang difahami atau dalam bahasa lain dan difahami maknanya (tidak mengandungi makna-makna syirik). (c) Hendaklah beriktikad bahawa bacaan-bacaan tadi tidak boleh memberi kesan dengan sendirinya melainkan daripada Allah, kuasa penyembuh segala penyakit.

Pondok remaja Inabah (PRI) adalah sebuah pusat rawatan persendirian yang memberikan rawatan pemulihan penagihan dadah dengan memulihkan penagih daripada penagihan semula dan membimbing mereka dengan cara yang diredai Allah mengikut al-Quran dan al-Sunnah. Menghuraikan berkaitan dengan metode PRI, Thoriqot Qadiriyyah Wan Naqsabandiyah (TQN) menjadi ikutan dengan mengamalkan amalan zikir, solat, mandi taubat dan bimbingan al-Quran dan al-Sunnah (Sabir & Fadzli, 2011). Ini dikukuhkan lagi dengan dalil Allah SWT:

وَنُنَزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَزِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا

Maksudnya: Dan Kami turunkan dengan beransur-ansur dari al-Quran ayat-ayat suci yang menjadi ubat penwar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya: dan (sebaliknya) al-Quran tidak menambahkan orang-orang yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian jua (Surah al-Isra' 17: 82).

Kaedah-kaedah pemulihan yang diterapkan di pusat perlindungan adalah disebut sebagai terapi psiko-kerohanian yang memfokuskan tentang kaedah solat, mengaji, berzikir dan kelas-kelas pengajian Islam. Manakala proses inabah pula menggunakan pendekatan agama seperti mandi, zikir, qiamullai, puasa, solat dan menjaga adab dalam merawat individu yang terlibat dengan aktiviti penyalahgunaan dadah (Mahmood Nazar, 2003). Melazimkan diri dengan zikrullah mampu membersihkan jiwa kerana ianya melapangkan fikiran mereka daripada mengingati dadah. Mereka akan berasa tenang dan dapat melupakan perasaan rindu kepada dadah (Mohamad Johdi, 2012).

Kesan kepercayaan dan hubungan yang kuat dengan Allah akan menjadikan ahli tenang, kuat dan tabah untuk menghadapi cabaran dalam kepulihan. Ahli mestilah ditanam dalam mindanya bahawa proses kepulihan adalah jihad di jalan Allah untuk menundukkan nafsu kembali fitrah asal manusia. Pengorbanan ahli diberi ganjaran dan dikira sebagai beribadat kepada Allah (Mahmood Nazar, 2003:12)

Pusat perlindungan di Selangor di bawah seliaan MAIS menggunakan kaedah yang berbeza iaitu pendekatan al-Quran. Kajian dilaksanakan dengan tujuan menganalisa pendekatan al-Quran yang digunakan Di Pusat Perlindungan MAIS dalam membantu mengatasi masalah sosial seperti penagihan, berjudi dan internet (Sahlawati, 2016).

Salah satu program rawatan pemulihan yang baru diperkenalkan ialah Program Inabah yang menggunakan modul Isra' yang mana ianya telah dilancarkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 23 Febuari 2017 (Agensi Antidadah Kebangsaan, 2017). Program Inabah ini menggunakan 2 pendekatan antaranya pendekatan psiko sosial dan juga pendekatan psiko spiritual dengan elemen terapi kognitif tingkah laku serta pendidikan dalam membantu untuk memulihkan penghuni atau klien menjalani proses pemulihan semasa dalam pusat pemulihan atau institusi (AADK, 2017). Modul Isra' ini mengandungi 8 komponen penting iaitu:

- i. Talqin
- ii. Terapi Mandi
- iii. Terapi Solat
- iv. Terapi Zikir Kalimah Toyyibah
- v. Khotaman, Manaqiban
- vi. Tadarus al-Quran
- vii. Terapi Puasa

Berdasarkan sorotan karya rawatan penagihan secara alternatif keislaman ini apa pun kesakitan yang dihadapi untuk mendapatkan rawatan perlulah merujuk al-Quran dan as-Sunnah. Kedua-dua sumber ini di dalamnya tersembunyi banyak keajaiban ayat-ayat yang yang boleh dijadikan sebagai rawatan dan pemulihan untuk ketagihan dadah.

KESIMPULAN

Tuntasnya, kita dapat mengetahui ada dua sudut yang boleh dibandingkan melalui soratan karya rawatan ketagihan dadah ialah rawatan ketagihan secara konvensional dan rawatan ketagihan secara alternatif keislaman. Kedua-duanya digunakan untuk merawat dan memulihkan penagih daripada dibelenggu serta mengulangi penagihan dadah lagi.

Rawatan ketagihan dadah secara konvensional ialah rawatan yang lebih kepada rawatan yang dibina oleh beberapa pusat pemulihan dan institusi bagi merawat penagih dadah. Dan ianya hanya tertumpu kepada luaran diri penagih saja yang mana ianya kurang memberi tumpuan terhadap spiritual penagih. Seterusnya rawatan ketagihan secara alternatif Keislaman ialah rawatan yang mengutamakan kepada rujukan sumber utama yakni al-Quran dan as-Sunnah. Ada beberapa rawatan secara Islam yang diaplikasikan dalam memulihkan penagih dadah. Antaranya pendekatan agama, terapi psiko-kerohanian, pendekatan secara ruqyah, zikir, mandi taubat dan yang berteraskan kedua-dua sumber itu tadi.

Justeru itu, rawatan berbentuk agama banyak menyentuh persoalan asas iaitu Ketuhanan dan memperbaiki akhlak sebagai modal utama dalam usaha menjayakan rawatan ketagihan dadah. Kejayaan kepulihan rawatan ketagihan dadah melalui pendekatan agama bergantung kepada sejauhmana individu itu berpegang, beramal dan menyakini agama sebagai pedoman hidup untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Islam menganjurkan mengambil sebab musabab untuk kepulihan dalam rawatan ketagihan dadah serta iktikad penyembuhan adalah datang dari Allah SWT.

RUJUKAN

- Abd Halim Mohd Hussin. (2011). Perbandingan Program Bimbingan Serta Terapi Penyalahgunaan Dadah di Malaysia dan Asia. *Jurnal Antidadah Malaysia*, 7(1): 1-14.
- Abdul Ghafar Taib. (1998). *Dadah: Strategi dan Kawalan di Sekolah-Sekolah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adam Mohamed. (2006). Tingkah laku Penagihan Semula, Punca-Punca Penagihan dan Pemulihan Kerohanian Menurut Perspektif Islam. Tesis Sarjana Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia Johor Bahru, Johor.
- Agensi Antidadah Kebangsaan. (2017). *Modul Pemulihan Penagih Dadah Pendekatan Inabah*. Putrajaya: Kementerian Dalam Negeri.
- Berhanudin Abdullah, Wan Mohd Yusof Wan Chik, Norizan Abd Ghani, Ahmad Faizol Ismail, Zulkifli Mohd. (2015). *Dadah Kemelut Keluarga Tangani Ancaman*. Universiti Sultan Zainal Abidin Kuala Terengganu.
- Fadzli, A., Sabir A.G. (2011). Zikir sebagai Modaliti Alternatif Rawatan Pemulihan dadah di Malaysia, *Seminar Islam Nusantara Peringkat Asean 2011*. Anjuran Kertas dalam Pusat Islam Universiti Utara Malaysia di Langkawi.
- Ibn Hajar al-Asqalani. Ahmad bin Ali. t.th. *Fath al-Bari fi Sharh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Ibn Qayyim al-Jawzi. (1993). *Al-Tibb al-Nabawi wa al-'Ilm al-Hadith*. Bayrut: Mu'asasat al-Risalah.
- Ibn Qayyim al-Jawzi. (1993). *Al-Tibb al-Nawawi*. Beirut: Manshurat Dar al-Maktabah al-Hayat

- Laman Web Agensi Antidadah Kebangsaan Kementerian Dalam Negeri. (2019). <https://www.adk.gov.my/bahagian-unit/bahagian-rawatan-perubatan-pemulihan/>
- Lamison Matokrem. (2007). Intervensi Dan Peranan Kaunselor Untuk Menjana Kepulihan Klien Sepanjang Hayat. Dalam *Jurnal Antidadah Malaysia*.
- Mahmood Nazar Mohamed. (2006). *Mencegah, Merawat dan Memulihkan penagih dadah: beberapa pendekatan dan amalan di Malaysia*. Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd. Kuala Lumpur.
- Mahmood Nazar, M. (2006). *Rawatan dan pemulihan Dadah di Malaysia: Cabaran Masa Kini*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Utusan Publication & distributors Sdn. Bhd.
- Mohamad Johdi Salleh. (2012). Permasalahan penagihan dadah: Tinjauan di Pusat Serenti Selangor. Kertas kerja dibentangkan di *International Seminar on Community Development – SAPKO 2012*, 7-9 April 2012. Faculty of Social Development, University Malaysia Terengganu.
- Muhammad Khairi Mahyuddin. (2018). *Pendekatan Islam dalam Rawatan dan Pemulihan Dadah (NARKOBA)*. USIM: Fakulti kepimpinan dan Pengurusan.
- al-Nasimi, Mahmud Nazim. (1987). *Al-Tibb al-Nawawi wa al-Ilm al-Hadith*. Bayrut: Mu'asasat al-Risalah.
- NurFatin Afza Mohamad Murad. (2016). Penilaian program di pusat rawatan di Kuala Lumpur menggunakan model Kirkpatrick. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. 3(2): 268-279.
- Sahlawati Abu Bakar. (2019). Faktor keterlibatan remaja dengan masalah sosial. *Jurnal Hadhari* 11(1): 1-17.
- Zickler, P. (1999). *Combining Drug Counseling Methods for the Treatment of Cocaine Addiction*. Washington DC. National Institute on Drug Abuse.